

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN FRANGKI

1. DEFINISI:

- a) “Mesin frangki” bermaksud mesin yang boleh digunakan untuk perkhidmatan frangki setelah Pos Malaysia meluluskan permit kepada pemegang permit.
- b) “Pemegang permit” bermaksud pemohon yang berjaya mendapatkan kelulusan permit.
- c) “Permit” bermaksud permit yang diluluskan oleh Pos Malaysia kepada pemegang permit untuk menggunakan mesin frangki.

2. PERMIT MESIN FRANGKI

Permit dan kebenaran ini boleh dipakai sehingga dibatalkan atau dimansuhkan sebagaimana ditentukan dengan khas dalam syarat yang berikut:

- (a) Permit ini boleh dibatalkan dengan serta-merta oleh POS MALAYSIA BERHAD (“Pos Malaysia”), dengan memberi notis yang bertulis dalam masa 14 hari kepada Pemegang permit jika Pemegang permit melanggar mana-mana syarat yang terkandung dalam Permit ini atau jika mana-mana mesin didapati tidak berfungsi dengan sempurna atau jika Pos Malaysia mendapati bahawa mesin telah disalahgunakan.
- (b) Permit dan kebenaran ini adalah tertakluk kepada dan tiada menyentuh apa-apa hak yang sekarang ini atau mungkin pada masa ini masih ada atau dituntut atau dibenarkan ada di bawah atau oleh sebab Undang-undang yang berkaitan, dan Pos Malaysia, tiada bertanggungjawab jika pada masa ini atau pada masa yang akan datang mesin dan meter atau meter-meter itu melanggar atau dikatakan melanggar mana-mana hak itu.
- (c) Permit dan kebenaran ini boleh dimansuhkan dengan notis bertulis yang tiada kurang daripada empat belas hari daripada Pos Malaysia kepada Pemegang permit, atas arahan mahkamah atau undang-undang yang berkaitan.

3. PENYELENGGARAAN MESIN FRANGKI

- (a) Semua mesin frangki yang telah dibeli mestilah mempunyai “Maintenance Service Agreement” yang dikeluarkan oleh pembekal yang berdaftar dengan Pos Malaysia.
- (b) Pemegang permit hendaklah menjaga mesin frangki dengan baik termasuk meter untuk memastikan mesin dapat berfungsi dengan sempurna. Pemegang permit hendaklah membawa mesin frangki kepada pembekal/

ejen yang telah disahkan untuk pemeriksaan dan servis dengan kos tanggungan sendiri mengikut jadual pemeriksaan yang ditetapkan oleh pembekal dan pembekal tersebut dibenarkan membaiki mengikut keperluan.

4. TAMBAH NILAI


(a) Bayaran tambah nilai boleh dibuat seperti berikut:

Bil.	Jenis Bayaran	Cara Bayaran
1	Tunai / Cek	Deposit ke akaun CIMB Bank Berhad, Pos Malaysia – rujuk lampiran (NEW BANK ACCOUNT FOR FRANKING RELOAD). Nombor permit mesin frangki perlu dinyatakan sekali sebagai nombor rujukan semasa deposit dibuat.
2	TT/ “Interbank Giro”	Kredit secara “online” ke akaun CIMB Bank Berhad, Pos Malaysia – rujuk lampiran (NEW BANK ACCOUNT FOR FRANKING RELOAD). Nombor permit mesin frangki perlu dinyatakan sekali dalam salinan EFT/TT.
3	Pesanan Tempatan (untuk agensi kerajaan sahaja)	Dihantar ke alamat: Unit Frangki, Mel Komersial, Pos Malaysia Berhad, Tingkat 1, Ibu Pejabat Pos Malaysia, Kompleks Dayabumi, 50670 Kuala Lumpur. Bayaran pesanan tempatan berdasarkan invois melalui akaun HSBC Islamic Pos Malaysia yang bernombor 001-139377-021. Nombor permit mesin frangki perlu dinyatakan sekali dalam Pesanan Tempatan.

- (b) Pos Malaysia akan menolak sebarang caj yang dikenakan oleh pihak bank atau kerajaan dari jumlah tambah nilai yang dibuat.
- (c) Pos Malaysia akan menambah nilai ke mesin frangki Pemegang permit mengikut nilai bersih yang dikreditkan ke akaun Pos Malaysia.
- (d) Pembayaran invois Pesanan Tempatan hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pos Malaysia iaitu selama **30 hari**.

5. TEKAPAN MESIN FRANGKI

- (a) Tekapan tarikh hendaklah sama dengan tarikh pengeposan. Mel yang mempunyai tekapan tarikh yang tidak sama dengan tarikh sebenar pengeposan tidak akan diterima oleh Pos Malaysia.
- (b) Nilai tekapan hendaklah mengikut kadar pos yang telah ditetapkan oleh Pos Malaysia (rujuk lampiran). Jika nilai tekapan yang kurang daripada kadar yang ditetapkan oleh Pos Malaysia, mel berkenaan tidak akan diterima oleh Pos Malaysia.
- (c) Nilai dan tekapan tarikh yang dicetak di bahagian atas sudut sebelah kanan permukaan alamat barang pos hendaklah berwarna merah, terang, jelas dan lengkap.
- (d) Tekapan yang tidak lengkap atau tekapan atas label yang ditampal pada sampul-sampul seperti melekatkan setem pos adalah tidak diterima.
- (e) Pos Malaysia hanya membenarkan penggunaan label bergam yang dicetak dengan tekapan mesin frangki dan ditampal di atas item pos bersaiz besar dengan syarat:
 - i. Label hendaklah ditampal pada permukaan alamat barang berkenaan.
 - ii. Label hendaklah berukuran tidak melebihi daripada ukuran panjang 40 mm dan ukuran lebar 74 mm lebar.
 - iii. Nama dan alamat penghantar hendaklah ditulis atau dicetak dengan terang melintang di sudut sebelah kiri label.
 - iv. Tekapan di atas label hendaklah ditampal dalam zon tekapan frangki seperti gambar di bawah.



- v. Sebagai pilihan, Pemegang permit boleh menggunakan kepingan label bergam berukuran lebar minimum 30 mm sama ada diperbuat daripada kertas bergerigi atau lurus.
- (f) Pemegang permit boleh menambah nilai frangki yang terkurang dengan menampalkan setem atau boleh mencetak nilai yang terkurang di atas sampul berkenaan dengan syarat:
 - a) Cetakan semula tekanan frangki perlu dibuat di bahagian bawah tekanan frangki asal dan tidak boleh bertindih dengan tekanan asal.
 - b) Cetakan semula di belakang sampul tidak dibenarkan.
 - c) Bagi pengeposan surat standard, cetakan semula hendaklah tidak melebihi ruang kelegaan 15mm (barcode zone).
 - d) Sekiranya tidak dapat mencetak seperti dinyatakan di atas disebabkan masalah teknikal mesin, sampul kecil atau ruangan sampul yang terhad, pemegang permit perlu membuat permohonan tuntutan tersalah frank seperti dalam perenggan/klausa 10.
- (g) Cogankata pengiklanan (slogan) dibenarkan untuk kegunaan di mesin frangki dan tekapannya hendaklah di sebelah kiri tekanan cap tarikh. Cogankata mestilah mendapat kelulusan daripada Pos Malaysia terlebih dahulu. Pos Malaysia berhak menolak kegunaannya sekiranya cogankata bertentangan dengan undang-undang atau mengandungi perkataan, tanda atau rekabentuk tidak sopan, lucah, fitnah, mencaci, mengancam atau sebarang bentuk yang keterlaluan.

6. PENGEPOSAN MEL FRANGKI

- (a) Semua jenis mel frangki yang hendak diposkan mestilah diasingkan dan dilabelkan mengikut jenis mel seperti berikut:
 - i. Mel Domestik
 - ii. Mel Antarabangsa
 - iii. Terbitan Berkala
 - iv. Pos Dokumen
 - v. Pos Daftar
 - vi. Bungkus/ Paket Kecil

Kemudian, mel-mel tersebut hendaklah diikat dalam ikatan mengandungi tidak melebihi daripada 50 keping bagi setiap ikatan kecuali apabila jenis-jenis mel itu jumlahnya kurang daripada 20 keping.
- (b) Mel-mel yang dilekatkan dengan setem pos tambahan hendaklah diasingkan daripada mel-mel yang difrangki dan perlu dihantar pada hari yang sama seperti tekanan tarikh frangki.
- (c) Semua mel yang telah difrangki mestilah diserahkan di kaunter Frangki pejabat pos dan mengikut masa pengeposan yang ditetapkan.

- i. Setiap kali pengeposan dibuat, Pemegang permit hendaklah membawa Docket Pengeposan Mel Frangki yang telah diisi lengkap dengan menyatakan nombor permit, nombor pengenalan mesin, tarikh pengeposan, jenis mel, nilai tekanan dan jumlah mel yang hendak diposkan.
- ii. Mel-mel frangki tidak dibenarkan dipos ke dalam peti-peti pos. Sekiranya diposkan dengan cara berkenaan, mel tersebut dianggap diposkan tanpa bayaran pos dan boleh dikenakan denda dua kali ganda daripada bayaran pos berkenaan.
- iii. Jika pengeposan dibuat selepas daripada masa yang ditetapkan, Pos Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan penerimaan surat oleh pihak penerima.

7. PERMOHONAN ANAK SYARIKAT

Untuk kegunaan bersama mesin frangki, Pemegang permit hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Pos Malaysia bagi kegunaan bersama mesin frangki oleh dua atau lebih firma/ syarikat/ organisasi dengan syarat:

- (a) Anak-anak syarikat yang dipohon mempunyai hubungan entiti dengan pemilik mesin frangki.
- (b) Hendaklah disertakan Laporan Tahunan Syarikat Induk (Holding Company's Annual Report) yang terkini. Pos Malaysia berhak memohon borang lain sebagai bukti hubungan entiti anak-anak syarikat.
- (c) Beroperasi di alamat yang sama atau berdekatan dengan premis pejabat di mana mesin itu berada/ beralamat berlainan tetapi mel-mel tersebut dibawa ke premis pejabat di mana mesin frangki itu berada.
- (d) Pos Malaysia berhak menolak permohonan ini atau mengenakan syarat-syarat lain terhadap permohonan ini.

8. PERTUKARAN NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT/ JABATAN

- (a) Pertukaran nama atau alamat syarikat perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pos Malaysia dan disertakan bersama permit dan perlu melengkapkan "**borang kemaskini maklumat pelanggan**".
- (b) Untuk permohonan pertukaran nama syarikat, Pemegang permit perlu melampirkan Borang 13 yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi pengesahan mengenai pertukaran nama syarikat untuk mengelakkan sebarang masalah semasa pengeposan dibuat kerana Pos Malaysia berhak menolak pengeposan sekiranya terdapat perbezaan dengan nama Pemegang permit yang didaftarkan.

9. PERTUKARAN PEJABAT PENGEPOSAN

Pertukaran pejabat pengeposan perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pos Malaysia. Pos Malaysia akan mengenakan bayaran sebanyak **RM10.00** untuk kos pentadbiran. Sebarang kos yang dikenakan oleh pihak pembekal akan ditanggung oleh Pemegang permit.

10. BAYARAN BALIK TERSALAH *FRANK*

- (a) Permohonan bayaran balik mestilah dibuat secara bertulis dan perlu dinyatakan sebab tersalah *frank*.
- (b) Permohonan mestilah dikemukakan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh tekanan.
- (c) Sampul, pembalut atau label yang lengkap dan dapat dibaca hendaklah dikemukakan bersama.
- (d) Jumlah dan nilai tersalah *frank* perlu ditulis dalam ruangan tersalah *frank* yang disediakan dalam Docket Pengeposan Mel Frangki atau mana-mana docket-docket yang berkaitan. Docket tersebut hendak dihantar ke pejabat pengeposan untuk disahkan. Salinan Docket tersebut hendaklah dilampirkan bersama permohonan ini.
- (e) Sampul, pembalut atau label yang dicatatkan nama firma/ syarikat/ organisasi lain yang tidak didaftarkan di bawah nama dan alamat Pemegang permit tidak akan dilayan.
- (f) Jumlah bayaran balik adalah mengikut nilai tekanan. Bayaran balik tidak akan dibuat sekiranya terdapat unsur-unsur mencurigakan pada tekanan.
- (g) Bayaran balik yang telah diluluskan akan dimasukkan/ dikreditkan ke dalam akaun permit frangki Pemegang permit.
- (h) Pos Malaysia akan mengenakan bayaran sebanyak **5%** daripada jumlah nilai tekanan atau minimum **RM10.00**, mengikut mana yang terbesar, untuk kos pentadbiran. Bayaran hendaklah dibuat secara berasingan.

11. PENUTUPAN AKAUN FRANGKI

Penutupan akaun mesin frangki perlu dimaklumkan secara bertulis kepada Pos Malaysia dalam tempoh **30 hari** dari tarikh docket yang terakhir. Bayaran balik akan dibuat selepas semakan dibuat dalam bentuk:

- (a) Transfer (IBG) beserta penyata bank terkini yang aktif
- (b) Cek
- (c) Pindahan baki ke akaun permit frangki lain di bawah Pemegang permit yang sama

- (d) Akaun Imprest Pelanggan
- (e) Tukar kepada pembelian setem

Sebarang kelewatan tuntutan tidak akan dilayan oleh Pos Malaysia. Rayuan boleh dibuat dan bayaran balik adalah tertakluk kepada budi bicara Pos Malaysia sekiranya maklumat yang diperlukan adalah lengkap tanpa sebarang caj. Sebarang kos yang dikenakan oleh pihak pembekal akan ditanggung oleh Pemegang permit.

12. PERTUKARAN HAK MILIK

- (a) Pemegang permit hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pos Malaysia terlebih dahulu untuk membatalkan permit sebelum pemindahan hak milik, penjualan, pelupusan atau tukar-beli untuk mesin frangki berkenaan dibuat.
- (b) Sebarang kos yang dikenakan oleh pihak pembekal akan ditanggung oleh Pemegang permit.

13. HAK POS MALAYSIA

- (a) Pos Malaysia berhak menggantung, menarik balik atau menguruskan permit yang dikeluarkan kepada Pemegang permit sekiranya:
 - i. Pemegang permit melanggar sebarang syarat tentang kegunaan mesin frangki yang terkandung dalam permit ini.
 - ii. Mesin Pemegang permit beroperasi dengan cara tidak memuaskan.
 - iii. Mesin telah disalahgunakan atau digunakan dengan cara yang menyebabkan keaiban atau menimbulkan masalah kepada Pos Malaysia. Tindakan yang diambil oleh Pos Malaysia hendaklah tidak bertentangan dengan sebarang hak dan cara lain untuk Pos Malaysia mengatasinya.
- (b) Sebarang notis mengenai permit yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia kepada Pemegang permit adalah dianggap sudah diserahkan, sekiranya diserahkan dan dialamatkan melalui pos biasa kepada Pemegang permit di alamat yang telah diberi semasa memohon atau alamat terakhir, yang diketahui dan di alamat perniagaan mengikut dalam rekod Pos Malaysia.
- (c) Semua mel-mel yang ditekup mengikut permit ini (kecuali mengenai cara pra-bayaran pos) tertakluk kepada dan dikawal oleh peraturan yang berkuatkuasa masa kini yang berkaitan dengan mel-mel lain yang sama jenis.
- (d) Syarat-syarat yang terkandung akan dipinda dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan dengan peraturan Pos Malaysia dan undang-undang perkhidmatan pos.

14. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG PERMIT

- (a) Pemegang permit yang menipu atau menyalahguna mesin frangki akan dipertanggungjawabkan untuk membayar balik sepenuhnya kerugian bayaran pos / hasil yang ditanggung oleh Pos Malaysia disebabkan oleh penipuan atau tersalahguna mesin frangki atau kerosakan meter merekodkan secara tidak tepat nilai tekanan mesin frangki.
- (b) Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada mesin frangki atau sebahagiannya, Pemegang permit akan serta merta memaklumpkannya secara bertulis kepada Pos Malaysia, dan mengambil tindakan untuk mendapatkan semula mesin yang hilang dan menyimpannya secara lebih selamat supaya tidak bertambah rosak atau tersalahguna, mana yang berkenaan.
- (c) Salinan laporan polis mengenai kehilangan hendaklah juga dikemukakan kepada Pos Malaysia.
- (d) Walau apa pun peruntukan di perenggan/klausu 14(b) dan 14(c) di atas Pemegang permit akan membayar balik sepenuhnya kerugian bayaran pos/ hasil yang ditanggung oleh Pos Malaysia secara langsung disebabkan kehilangan atau kerosakan mesin frangki.
- (e) Salinan kelulusan permit frangki hendaklah disimpan dengan baik. Sekiranya hilang, Pemegang permit hendaklah memohon secara bertulis untuk mendapatkan salinan kelulusan permit frangki dan Pos Malaysia akan mengenakan caj sebanyak RM50.00 untuk proses tersebut.

Mel Standard


Mel Standard" ertinya suatu surat yang bersampul yang boleh dilentur dan yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

Berat	Maksimum sehingga 50gm.
Saiz	Minimum :140 mm (panjang) x 90 mm (lebar) Maksimum : 250 mm (panjang) x 165 mm (lebar)
Ketebalan	Minimum : 0.25 mm Maksimum : 6.00 mm
Bahagian Hadapan Sampul Surat	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas yang tidak berkilat dan berwarna putih atau mempunyai ton warna yang lembut di bahagian hadapan sampul (termasuk kandungan surat bagi sampul surat bertingkap). • Tidak dicetak timbul dan tidak mengandungi apa-apa tebukan • Tiada imej bercetak (<i>watermark</i>) (termasuk kandungan surat bagi sampul surat bertingkap) • Dilekatkan sepenuhnya • Tiada dawai kokot
Zon Hadapan Sampul Surat	<ul style="list-style-type: none"> • Zon Bayaran Pengeposan: Dari kanan - 74mm(panjang), dari kiri - 40mm(lebar) • Zon Pengirim: boleh mengandungi nama, alamat, logo atau iklan • Zon Penerima: nama dan alamat penerima, bertulis atau dicetak dengan dakwat gelap dan tidak bersinar • Zon Kod Bar: kosongkan keseluruhan ruang 15mm dari bawah sampul surat

Kadar Bayaran Pos Bagi Mel Standard

Kategori	Kategori	Kadar Bayaran Pos
		(RM)
Mel Standard	Sehingga 20gm	0.60
	Lebih 20gm - 50gm	0.70

Minimum Thickness : 0.25mm
Maximum Thickness : 6.00mm



Mel Bukan Standard


Mel Bukan Standard

- Hanya mempunyai 3 bentuk; bersampul, berkotak & bergulung
- Bagi bersampul & berkotak, ukuran maksimum ialah 600mm x 250mm x 30mm
- Bagi bergulung, ukuran maksimum ialah 600mm (panjang) x 100mm (diameter)
- Tidak lebih 2kg

Kadar bagi Mel Bukan Standard :

Mel Bukan Standard	Sehingga to 50gm	RM 0.80
	Lebih 50gm - 100gm	RM 0.90
	Lebih 100gm - 250gm	RM 1.00
	Lebih 250gm - 500gm	RM 2.00
	Lebih 500gm - 1kg	RM 3.50
	Lebih 1kg - 2kg	RM 5.50

SAMPUL / KOTAK



GULUNG

